

PM mahu IPT perhebat R&D

Oleh ROZAMAN ISMAIL
dan HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 25 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu institusi pengajian tinggi (IPT) memperhebatkan usaha pembangunan dan penyelidikan (R&D) dengan mengenal pasti bidang berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai persediaan menjadi negara maju.

Perdana Menteri berkata, perkara tersebut amat penting kerana sebagai negara maju, Malaysia perlu mempunyai kebolehan menghasilkan tekaan sendiri dan tidak boleh lagi bergantung kepada penggunaan teknologi negara lain.

"Universiti perlu memainkan peranan dalam perkara ini kerana setiap pusat pengajian tinggi mempunyai R&D, maka ia perlu diperhebat.

"Kita tidak mahu jadi bangsa yang dikatakan maju tetapi terus mengharap kepada teknologi negara lain. Kalau kita maju, kita sepatutnya mampu mencipta teknologi terkini yang boleh digunakan oleh negara lain," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perjumpaan dengan pensyarah IPT awam dan swasta di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamad dan beberapa menteri Kabinet.

Majlis itu dihadiri lebih 2,000 pensyarah universiti dari seluruh negara diketuai oleh Naib Canselor masing-masing.

Perdana Menteri berkata, bagi membolehkan usaha R&D asas terus diban-

gunkan, kerajaan menetapkan dasar membenarkan para pensyarah dalam bidang tersebut terus berkhidmat selepas bersara.

Ini kata beliau, bagi memastikan penyelidikan dan kajian yang dilakukan sebelum ini dapat diteruskan sehingga memperoleh hasil.

"Bagi penyelidikan gunaan pula, tindakan untuk meneruskan program pengkomersialan mesti diambil kira dan diberikan perhatian," katanya.

Selain itu Perdana Menteri berkata, setiap universiti juga perlu menyediakan tenaga pengajar yang cukup dan baik.

Beliau menjelaskan, bagi menjadikan universiti di negara ini sebagai pusat pengajian tinggi yang bermutu, kerjasama dan jaringan antara universiti perlu diwujudkan dengan lebih erat.

Perdana Menteri berkata, universiti juga perlu mengadakan kerjasama dengan syarikat swasta bagi mendapatkan bantuan kewangan untuk menjalankan R&D dalam bidang yang berkaitan.

"Ini kerana pihak swasta ada program program penyelidikan yang besar, dan universiti perlu berusaha mendapatkan geran daripada swasta untuk melaksanakan R&D.

"Biasanya kalau bidang automotif, syarikat auto motif yang mahu memberikan bantuan kewangan bagi menjayakan kajian mengenai hal keselamatan kereta dan bahan yang digunakan.

"Mungkin juga yang ada hubung kait dengan penggunaan bahatt bakar alternatif maka ini bidang yang sama percaya syarikat dan industri mahu memberikan bantuan bagi tujuan penyelidikan," kata beliau.

**Bagi penyelidikan gunaan,
tindakan untuk meneruskan program
pengkomersialan mesti diambil kira dan
diberikan perhatian**

**ABDULLAH
AHMAD BADAWI**
Perdana Menteri
Malaysia



ABDULLAH Ahmad Badawi diiringi Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis (kanan) melihat kapal terbang kawalan jauh selepas pertemuan khas dengan Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi di Putrajaya, semalam.